

Itali negara hebat kaya sejarah

BH

4/9/16

mls6-7

→ Menjelajah kesan peninggalan suka, duka Rome kuno

Oleh Aswad Sabri
kembara@bh.com.my

Itali antara negara tertua di dunia yang banyak meninggalkan sejarah purba dan sehingga kini menjadi tumpuan untuk dikunjungi pelancong di serata dunia.

Negara yang berbentuk

seperti kasut but dengan dua pulau besar Sicily dan Sardinia ini terletak di selatan benua Eropah.

Kunjungan penulis kali ini membawa sekeuarga dari Johor untuk menerokai kota klasik peninggalan Rome kuno.

Penulis dari Perantau Holidays dan menetap di

Sheffield, United Kingdom turut bertanggungjawab memandu pelancong Malaysia khususnya yang inginkan percutian ke Eropah.

Begitupun, percutian yang dirancang pada saat akhir oleh keluarga ini selama lapan hari berjaya direalisasikan dengan meninggalkan seribu kenangan manis.

Capitoline Hill di Rome.





*Gereja St Peters
Basilica.*



Melawat Menara Condong Pisa

Bermula di Rome, ibu negara Itali, penulis membara keluarga melawat tempat bersejarah seperti Roman Colisetur, Roman Forum, Pantheon, Travi Fountain, Spanish Steps dan Capitoline Hill.

Peluang turut diambil melawat Pusat Pemerintahan Kristian Katolik terbesar Dunia iaitu Vatican City yang keluasanya 0.45 kilometer persegi dan mempunyai penduduk seramai 500 orang. St. Peter's Basilica adalah gereja terbesar yang terdapat di situ dan dibina dengan seni bina gaya Renaissance dan Baroque oleh arkitek terkenal seperti Michelangelo, Donato Bramante dan Carlo Moderno.

Hari berikutnya kami bertolak ke Pisa dengan mengambil masa perjalanan tiga jam dari Rome.

Menara Condong Pisa menjadi tarikan utama selain Pisa Baptistry dan Cathedral de Pisa yang terletak bersebelahan dengannya. Apa yang mengagumkan berkenaan Menara Pisa ini adalah ia terjadi disebabkan kesilapan jurutera dalam pengiraan sewaktu pembinaannya.

Kesilapan itu menyebabkan Menara Pisa menjadi tarikan utama di bandar ini. Pelbagai cenderahati, barangan kristal dan kulit turut dijual di kawasan ini pada harga yang berpatutan.



Penulis (kiri) bergambar kenangan dengan berlatar belakang Menara Condong Pisa.

kembara

Menaiki gondola menyusuri terusan



Rumah Juliet di Verona yang memberikan inspirasi kepada William Shakespeare untuk menghasilkan kisah cinta Romeo dan Juliet.



Seterusnya perjalanan diteruskan ke kota yang terkenal dengan seni bina dan lukisan yang mengagumkan, iaitu Florence. Ia juga terkenal sebagai pusat beli belah yang menawarkan harga murah berbanding bandar lain di Itali.

Barangan kulit dan berlian antara barangan jualan terkenal ditawarkan di sana. Ponte Vecchio, Piazzale Michelangelo, Florence Cathedral, Uffizi Gallery dan Museo dell'Opera del Duomo adalah sebahagian daripada tempat tarikan yang sempat dilawati.

Kami juga sempat singah di gedung beli-belah terkemuka di Florence iaitu The Mall, terletak kira-kira 20 kilometer dari pusat bandar Florence. Di sini pelbagai jenama barangan mewah boleh didapati dengan harga yang murah.

Perjalanan lebih tiga jam dari Florence menghala ke utara Itali adalah sesuatu yang sangat berbaloi kerana pelancong dijamu dengan pemandangan yang cantik.

Venice adalah bandar yang hanya mengu-

adalah antara daya tarikan utama di Venice kerana jambatan itu menghubungkan dua kawasan penempatan utama iaitu San Marco dan San Polo.

Kota cinta romantik

St. Mark's Square pula adalah dataran yang paling popular di San Marco, manakala Basilica dei Frari adalah tempat kunjungan paling popular di San Polo.

Venice, kota yang terletak di utara Itali. Ia terletak dalam daerah Veneto iaitu sebuah kota yang terkenal sebagai tempat bermulanya kisah cinta romantik terhebat Western Culture di antara Romeo dan Juliet seperti yang diadaptasikan dalam karya William Shakespeare.

Melawat ke Casa di Giuletta atau Rumah Juliet adalah sesuatu yang mesti dilakukan di sini. Walaupun ramai pengunjung yang mengunjungi rumah tersebut, kesempatan menerokai keseluruhan bahagian dalam rumah dan berada di beranda atau Juliet Balcony tidak di lepaskan.



terkenal yang menawarkan barangan fesyen, hotel serta restoran mewah dan berkualiti tinggi. Tempat menarik paling popular dalam kalangan pelancong adalah di Piazza del Duomo di mana terdapatnya Milan Cathedral yang reka bentuknya bercirikan Gothic, Royal Palace of Milan dan salah satu gedung beli-belah mewah dan tertua di dunia yang bercirikan reka bentuk bumbung gelas, adalah Galleria Vittorio Emanuele II

Deretan
gondola
di terusan
Venice.





Bersama keluarga di hadapan runtuh bangunan Coliseum.

yang hanya menggunakan air sebagai sistem pengangkutan utama. Bas air, teksi air, dan juga persendirian dan juga gondola kelihatan sibuk disepanjang terusan utamanya iaitu Canal Grande.

Tidak sah ke Venice sekiranya tidak menaiki gondola untuk menyusuri terusan kecil bagi menghayati keindahan seni bina bangunan di sepanjang terusan tersebut. Ponte di Rialto

Kota beli-belah

Kemudian lawatan diteruskan ke Verona Arena iaitu sebuah colosseum yang dibina pada kurun pertama dan ia masih digunakan sehingga kini bagi acara seperti persembahan muzik dan opera berskala besar.

Bandar terakhir yang dilawati adalah kota metropolitan bagi rekaan fesyen popular. Ia juga kota beli belah paling

ria Vittorio Emanuele II.

Keseluruhannya Itali adalah negara yang menarik untuk dilawati mengambil kira kesan peninggalan sejarah Roman yang pernah menguasai dunia suatu masa dahulu dan ia dapat dilihat dengan jelas seperti di Rome, keindahan Kota Air seperti di Venice, kemegahan Kota Seni di Florence, keromantikan Kota Cinta di Verona dan kemegahan Kota Fesyen dan pusat beli-belah mewah di Milan.

Pelbagai cenderamata boleh diperoleh di setiap destinasi yang dikunjungi pelancong di Itali.



Bersiar-siar di terusan terkenal di Venice.

